

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HHT 302 Seni Lukis Moden Malaysia

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN (8) SOALAN DI  
DALAM DUA (2) HALAMAN.

Jawab TIGA (3) soalan.

Sila tuliskan jawapan anda dengan jelas, tepat dan ringkas.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Sejarah seni Asia Tenggara amnya difahami menurut paradigma sejarah seni yang dipegangi oleh sarjana-sarjana tertentu yang berpengaruh. Sejarah seni lukis moden Malaysia juga boleh dikatakan ditentukan oleh andaian-andaian paradigma yang sama. Bincangkan kesan pegangan paradigma sarjana seperti Coomaraswamy dan Coedes ke atas pemahaman dan perkembangan sejarah seni Asia Tenggara amnya dan Malaysia khususnya.
2. Perubahan citarasa estetik masyarakat yang membawa kepada kemunculan dan perkembangan seni lukis moden Malaysia berlaku mengikut struktur sosio-budaya tertentu. Bincangkan penerapan nilai estetik Eropah ke dalam masyarakat Malaysia yang membawa kepada penerimaan bentuk-bentuk seni Eropah seperti seni lukis cat dan arca. Apakah sektor-sektor masyarakat yang terlibat dan yang berperanan, serta bagaimanakah ianya berperanan?
3. Lazimnya pemahaman kronologi sejarah seni lukis Malaysia adalah berdasarkan paradigma yang menguasai sejarah seni lukis Barat. Apakah bentuk atau jenis kronologi sejarah seni lukis moden Malaysia yang dominan? Bentuk-bentuk seni lukis yang manakah diberi pengiktirafan, dan yang manakah dipencilkan? Kenapa?

4. Seni Lukis Moden Malaysia dikatakan berbeza daripada seni lukis tradisional tempatan. Pada pendapat anda, apakah perbezaannya?
5. Sudah menjadi satu kelaziman seni lukis moden Malaysia bukan sahaja dianggap sebagai peniruan seni lukis Barat, tetapi juga sentiasa dibanding dengan pencapaian dan keupayaan seni lukis Barat itu. Apa yang kurang disedari ialah bahawa pandangan begitu semestinya juga memperlihatkan satu kezaliman --- zalim dari segi memperkecilkan kewibawaan budaya dan kesenian tempatan. Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha pelukis tempatan untuk memperbezakan seni lukis moden Malaysia daripada seni lukis moden Barat? Apakah unsur-unsur di dalam seni lukis moden Malaysia yang boleh serta telah memberi identiti kepada lukisan moden Malaysia? Seterusnya, pertimbangkan sama ada usaha-usaha ini berkesan dan berjaya.
6. Bincangkan perbezaan di antara lukisan batik oleh pelukis-pelukis awal Malaysia seperti Chuah Thean Teng, dan lukisan batik pelukis-pelukis 1980an seperti Fatimah Chik. Bagaimanakah usaha-usaha mereka boleh difahami dalam konteks perkembangan seni lukis moden Malaysia?
7. Sebahagian besar daripada pelukis-pelukis Malaysia mengamalkan pernyataan seni menerusi "bahasa" abstraksi, sama ada sepenuhnya atau separa. Pada pendapat anda, sejauh manakah pengkaryaan mereka ini boleh difahami mengikut teori lukisan moden yang dibela oleh *Clement Greenberg*?
8. Apakah pemahaman Mikel Dufrenne tentang kedudukan seni dan budaya di negara-negara Dunia Ketiga ("Art In The Third World", dalam *The Three Faces Of Art*, ed., Gopinathan dan Cirici, Singapura: UNESCO, 1977). Bincangkannya berkontekskan perkembangan seni lukis moden di Malaysia khususnya dan di Asia Tenggara amnya.